



“
Ekonomi Malaysia Terus
Meraih Momentum,
Dipacu oleh Permintaan
Domestik yang
Berdaya Tahan
”



55.5%
Keuntungan
sebelum cukai



8.54 billion
Bayaran Dividen

PERNYATAAN PENGERUSI

LAI WAN
Pengerusi

Tahun 2023 merupakan tahun yang dipenuhi dengan pelbagai cabaran yang belum pernah berlaku. Inflasi yang tinggi, ekonomi China yang pulih lebih perlahan daripada jangkaan, dasar kewangan global yang lebih ketat dan konflik di Timur Tengah menjejaskan pemulihan pascapandemik, sekali gus menyebabkan pertumbuhan ekonomi global yang perlahan.

Mengemudi cabaran-cabaran ini, ekonomi Malaysia terus meraih momentum dipacu oleh permintaan domestik yang berdaya tahan. Pasaran guna tenaga yang bertambah baik dan projek pelaburan yang berlanjutan melebihi setahun terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Kerajaan juga telah membentangkan pelan pembangunan yang pragmatik, seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 untuk mengukuhkan lagi prospek pertumbuhan negara untuk jangka sederhana dan panjang.

Mengambil peluang daripada pertumbuhan ini, digabungkan dengan sistem perbankan domestik yang kukuh, sektor perbankan Malaysia terus memainkan peranannya sebagai pengantara kewangan yang berkesan dan cekap untuk menyokong pembangunan negara.

BANK UNTUK ORANG RAMAI

Tema Laporan Tahunan Public Bank tahun 2023 iaitu “Bank untuk Orang Ramai” merupakan teras visi dan komitmen Kumpulan Public Bank.

Sejak penubuhannya oleh mendiang Tan Sri Dato’ Sri Dr. Teh Hong Piow pada tahun 1966, Bank berpegang teguh kepada Falsafah Korporatnya dengan pendekatan berteraskan orang ramai yang kekal sebagai sebahagian penting daripada budaya korporat dan strategi perniagaan Kumpulan.

Falsafah Korporat itu terus berakar umbi dalam operasi Kumpulan Public Bank dan Kumpulan memberi penekanan terhadap pemberian nilai jangka panjang kepada pihak yang berkepentingan dengannya – bermula dengan pulangan yang mampan kepada pemegang saham, perkhidmatan pelanggan yang unggul, urus tadbir korporat yang baik, kepada kesejahteraan kakitangan – dan Kumpulan terus mendukung Falsafah Korporatnya hingga hari ini.

Komitmen Kumpulan Public Bank terhadap pihak yang berkepentingan dengannya terus ditunjukkan melalui pencapaian dan prestasinya pada tahun 2023. Pada tahun itu, Kumpulan Public Bank mencatat satu lagi prestasi kewangan yang teguh, dengan keuntungan bersih milik pemegang saham meningkat sebanyak 8.7% kepada RM6.65 bilion.

Di samping prestasi kewangannya yang membanggakan, Kumpulan Public Bank terus mengekalkan kecekapan kos dan kualiti aset yang baik.

Kumpulan terus bersaing seiring dengan pembangunan pasaran dan mengambil inisiatif strategik yang bersesuaian untuk terus menerajui bahagian pasaran dalam pembiayaan, deposit dan industri unit amanah.

Berikutan prestasi yang teguh itu, Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen berjumlah 19.0 sen, bersamaan dengan bayaran dividen keseluruhan sebanyak RM3.69 bilion bagi tahun kewangan 2023. Bayaran dividen itu merupakan 55.5% daripada keuntungan bersih Syarikat bagi tahun 2023, menunjukkan keupayaannya untuk mengekalkan pulangan yang stabil dan konsisten saban tahun untuk pemegang sahamnya.

MENGUKUHKAN DAYA TAHAN YANG STRATEGIK

Meskipun berdepan dengan tahun yang ketara mencabar, Kumpulan Public Bank terus cekap dan berupaya untuk menyesuaikan dirinya dengan persekitaran operasi yang berubah-ubah, pada masa yang sama memenuhi tanggungjawabnya kepada pihak yang berkepentingan dengannya.

Kumpulan fokus dalam memperkukuhkan segmen pasaran terasnya dalam perniagaan pembiayaan dan deposit dan pengurusan kewangan. Kumpulan terus bersaing seiring dengan pembangunan pasaran dan mengambil inisiatif strategik yang bersesuaian untuk terus menerajui bahagian pasaran pembiayaan, deposit dan industri unit amanah.

Pertumbuhan bersinergi Kumpulan Public Bank turut ditunjukkan dalam operasinya di luar negeri. Pada tahun 2023, Kumpulan membuka lapan buah cawangan baharu di Vietnam, mengukuhkan lagi perniagaannya di Vietnam dengan jumlah keseluruhan sebanyak 40 buah cawangan pada akhir tahun yang sama.

Selain itu, mulai 1 Januari 2024, Kumpulan telah menukar operasinya di Laos kepada subsidiari milik penuh, yang dinamakan semula sebagai Public Bank Lao Limited. Ini akan mengukuhkan lagi jejak perniagaan Kumpulan di wilayah Indochina.

Dengan sejumlah 76 buah cawangan di Indochina, Kumpulan berada pada kedudukan yang baik untuk merebut peluang perniagaan dalam wilayah yang berkembang pesat itu.

Sejajar dengan strategi pertumbuhannya yang progresif, Kumpulan Public Bank memastikan urus tadbir korporat yang baik dan pengurusan risiko yang berhemat dalam menguruskan kunci kira-kira dan kualiti asetnya.

Selain itu, Kumpulan Public Bank terus meningkatkan komitmennya terhadap alam sekitar, sosial dan urus tadbir ("ESG"). Kumpulan telah menjadikan Strategi dan Hala Tuju Lestari sebagai agenda rasmi yang merintis jalan untuk menggandakan usaha ke arah mencapai karbon sifar bersih dan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kumpulan turut mengambil bahagian dalam usaha sama yang diperkenalkan oleh industri kewangan, seperti Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim bagi mempercepatkan usaha ESG ke arah menyumbang kepada kemajuan kelestarian global.

Bagi meningkatkan lagi keupayaannya untuk memacu pertumbuhan perniagaan, Kumpulan Public Bank terus mempertingkatkan tumpuan strategiknya dalam pembangunan modal insan dan transformasi digital. Walaupun berdepan dengan tahun yang mencabar dengan tekanan inflasi yang tinggi, Kumpulan komited untuk terus melabur dalam memupuk persekitaran yang kondusif dengan pembelajaran progresif dan perkembangan peribadi untuk kakitangan. Kumpulan juga terus mengamalkan pendekatan pragmatik dalam inovasi dan digitalisasi bagi mempertingkatkan pengalaman pelanggan dan kecekapan operasi.

TAHUN YANG MENDATANG

Tahun 2024 juga dijangka dipenuhi dengan cabaran. Kumpulan Public Bank bersedia untuk maju ke hadapan dengan pengalaman yang terkumpul dan ketahanan yang dipupuk sejak sekian lama. Kumpulan akan terus menyesuaikan dirinya dengan persekitaran yang berubah-ubah dan mempertingkatkan kebolehannya untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai.

Dengan perkembangan ekonomi Malaysia yang dijangka mampan, Kumpulan Public Bank akan terus memanfaatkan penjenamaan dan rangkaian cawangannya yang kukuh bagi memenuhi keperluan perkhidmatan perbankan orang ramai.

Kumpulan Public Bank juga akan terus mempertingkatkan perkembangan ESG untuk memupuk pertumbuhan mampan dan menyeluruh untuk semua.

SELAMANYA BERSYUKUR

Kumpulan Public Bank ingin merakamkan penghargaan kepada kesemua pemegang saham, pelanggan, pengurusan dan kakitangan Kumpulan atas sokongan, keyakinan dan kepercayaan mereka yang berterusan.

Kumpulan amat berterima kasih kepada Bank Negara Malaysia dan pihak berkuasa yang berkaitan atas dedikasi mereka dalam memulihkan ekonomi negara dan menyediakan garis panduan yang berterusan kepada industri perbankan.

Kumpulan Public Bank terus teguh dalam melaksanakan tugasnya sebagai sebuah institusi kewangan, bermula dengan pengagihan dividen yang mampan kepada pemegang saham sebagai penghargaan atas sokongan mereka sehinggalah kepada memenuhi keperluan kewangan orang ramai demi kehidupan mereka yang lebih baik.

Kumpulan akan terus mendukung integritinya terhadap pihak yang berkepentingan dengannya, menyesuaikan diri dan sentiasa menjadi lebih baik dalam segala aspek agar perkhidmatannya kekal relevan untuk orang ramai.

Lai Wan
Pengerusi